

# Teruja bertemu angkasawan

Sinar Harian Online

11 April 2018



## Teruja bertemu angkasawan

ROSILAWATI ROSEDI  
11 APRIL 2018



Angkasawan dalam pameran teknologi di Dewan Tun Razak sempena sambutan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Pahang 2018 yang berlangsung pada Jumaat lalu.

**A-** **A+** (Ubah saiz teks)

TEMERLOH - Golongan pelajar antara yang tidak melepaskan peluang membanjiri Dewan Tun Razak sempena sambutan Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Pahang 2018 yang berlangsung pada Jumaat lalu.

Mereka nyata teruja dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang membawa dan memperkenalkan pelbagai produk serta teknologi terkini sempena sambutan tersebut.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Jengka, Afif Rusydi As Azman, 16, dia pertama kali hadir ke program tersebut yang disifatkan menarik buat golongan sepertinya.

Menurutnya, dia paling tertarik dengan teknologi virtual reality (VR) yang turut mengambil bahagian dalam program itu.

"Seronok kerana pameran yang diadakan adalah teknologi yang terkini dan tidak pernah disaksikan depan mata sebelum ini," katanya yang berhasrat bergelar jurutera.

Manakala pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Temerloh, Luqman Nur Hakim Jalil, 16, mengharapkan program tersebut terus diadakan setiap tahun.

Tertarik dengan konsep dan produk yang dipersembahkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), dia gembira dan teruja kerana berpeluang untuk turut sama bersama rakan sekolahnya ke program terbabit.

Sementara itu, Fatin Raihana Mohd Ali Hanafiah, 15, dari SMK Seri Tualang seronok kerana dia dapat melihat dan mendapat ilmu baru yang bermanfaat dalam mengejar impiannya bergelar doktor suatu hari nanti.

Turut hadir memeriahkan sambutan itu Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor yang menjadi tumpuan pengunjung.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin menyempurnakan majlis perasmian program tersebut.